

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 3 (5)



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 10 TAHUN 2019**

**PINDAAN KUASA MELULUS
BAGI PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN 59**

**Pejabat Bendahari
03 November 2019**

Disalinkan Kepada :

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Ketua PTJ/Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 3 (5)

3 November 2019

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2019

PINDAAN KUASA MELULUS BAGI PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf Universiti Malaysia Kelantan mengenai pindaan kuasa melulus bagi pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) bagi sesuatu perolehan yang telah dilakukan tanpa mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Arahan Pembayaran di bawah AP59 ini merujuk kepada 1PP WP 10.2 yang mana telah diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 4 Tahun 2015 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 4 Tahun 2015 (kali ke-35) bertarikh 17 Disember 2015.

2.2 Manakala tatacara Pengurusan Pembayaran di bawah AP59 telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 3 Tahun 2018 yang telah bersidang pada 24 September 2018 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2018 pada 7 Oktober 2018.

2.3 Melalui tatacara tersebut, kuasa melulus bagi sesuatu perolehan yang telah dilakukan tanpa mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan Malaysia melalui perakuan Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.0 PINDAAN KUASA MELULUS DI BAWAH TATACARA PENGURUSAN PEMBAYARAN AP59

3.1 Pindaan tatacara pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59) telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti secara edaran pada 16 Julai 2019 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2019 (Kali ke-50) pada 29 September 2019.

3.2 Merujuk kepada maklum balas dari Bahagian Kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia (BKEW), maka Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 7 Tahun 2018 berkaitan kuasa melulus yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari pada 29 November 2018 adalah dipinda sebagaimana berikut:

Jumlah	Pihak Berkuasa Melulus
Kurang RM50,000.00	Jawatankuasa Tetap Kewangan
Lebih RM50,000.00	Lembaga Pengarah Universiti

Jadual 1 : Pihak Berkuasa Melulus

4.0 PEMAKAIAN


4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor